

Jawab semua soalan di bawah.

Bahagian A. Pilih jawapan yang betul.

1. Apabila seseorang itu _____ dan _____, dia wajib menunaikan solat.
A. Islam, pandai
B. Kaya, baligh
C. Islam, baligh
D. berakal, cantik

2. Antara berikut yang manakah BUKAN syarat wajib solat?
A. Islam
B. Baligh
C. berakal
D. Haid dan nifas

3. Mengapakah seorang ibu tidak menyuruh anaknya yang berusia 2 tahun untuk menunaikan solat?
A. Anak terlalu kecil
B. Anak belum baligh
C. Ibu tidak tahu
D. Anak bukan Islam

4. Di kampung Ahmad terdapat seorang lelaki yang kurang siuman (gila). Adakah wajib ke atasnya untuk menunaikan solat?
A. Ya
B. Tidak

5. Antara berikut manakah keadaan yang menunjukkan seseorang itu sudah diwajibkan solat ke atasnya?
A. Seseorang yang sudah bersekolah
B. Ibu yang baru melahirkan anak
C. Perempuan yang sudah suci daripada haid
D. Orang gila

6. Manakah antara berikut BUKAN syarat sah solat?
A. Menutup aurat
B. Solat berjemaah
C. Yakin masuk waktu
D. Menghadap kiblat

7. Semasa sedang solat, Iman tersedar bahawa terdapat tahi cicak pada kengan bajunya. Adakah solat Iman sah?
A. Ya
B. Tidak

8. Mengapakah mesti menutup aurat sekiranya hendak menunaikan solat?

- A. Supaya tidak dipandang pelik
- B. Mengikut suruhan guru
- C. Menjaga maruah dan patuh pada perintah Allah
- D. Kelihatan sopan

9. Niat dalam hati adalah rukun _____.

- A. Rukun fe'li
- B. Rukun qalbi
- C. Rukun qauli

10. Manakah antara berikut rukun qauli dalam solat?

- A. takbiratul ihram
- B. iktidal serta tama'ninah
- C. sujud serta tama'ninah
- D. duduk ketika membaca tahiyat akhir

Bahagian B

Lengkapkan peta alir di bawah dengan perkara-perkara rukun solat, kemudian nyatakan sama ada ia rukun qalbi, fe'li atau qauli.

